

TARIKH	KHAMIS, 30 MEI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PENALTI RM500,000 JIKA MAJIKAN ABAI KESELAMATAN PEKERJA
M/S	2
BIDANG	SAFETY
KATA KUNCI	



Budaya kerja selamat dan sihat akan mendokong usaha dilaksanakan kerajaan dalam semua sektor industri. (Foto hiasan)

Penalti RM500,000 jika majikan abai keselamatan pekerja

Pewartaan pindaan selari komitmen kerajaan pastikan persekitaran kerja selamat, kondusif

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bermula Sabtu ini, pihak yang melanggar Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 serta Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 bakal berdepan penalti maksimum RM500,000.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berkata, peningkatan penalti maksimum berbanding RM50,000 sebelum ini, susulan pewartaan pindaan akta terbahit pada 16 Mac lalu.

"Pewartaan Akta ini selari dengan komitmen kerajaan untuk memastikan semua pekerja di negara ini dapat bekerja dalam persekitaran kerja yang selamat, sihat, kondusif dan produktif.

"Antara perubahan ketara dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 adalah peningkatan penalti (deterrent effect) yang berjumlah 10 kali ganda daripada yang sedia ada, iaitu maksimum penalti dinaikkan daripada RM50,000 ke-

pada RM500,000," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut kenyataan itu lagi, peningkatan kadar penalti untuk setiap pelanggaran di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, secara tidak langsung memastikan isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja diberi perhatian.

Malah, ia menjadikan tempat kerja adalah bebas daripada kemalangan dan penyakit pekerjaan.

"KESUMA melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sentiasa menekankan pentingnya penguatkuasaan undang-undang sedia ada serta perlunya penyesuaian terhadap cabaran baharu dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) bagi memastikan tempat kerja adalah selamat, sihat, kondusif dan sejahtera," katanya.

KESUMA anjur seminar

Terdahulu, KESUMA menganjurkan Seminar Hebahan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 dan Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 Peringkat Zon Tengah yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

Seminar itu bertujuan memastikan pihak berkepentingan, iaitu pengamal KKP, persatuan KKP, majikan dan juga pekerja dapat memahami dengan lebih mendalam perubahan yang dibuat da-

lam akta berkenaan.

Selain itu, seminar berkenaan bertujuan memastikan pihak berkepentingan mengaplikasikan pengetahuan terbabit untuk memperkuatkan pematuhan serta meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja di seluruh sektor industri.

Pada April lalu, Menteri Kesuma, Steven Sim, dilaporkan berkata beliau sudah menandatangani warta untuk mempercepatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan akta berkenaan yang tertangguh hampir dua tahun di mana antara lain mewajibkan majikan menganalisis risiko di tempat kerja dan melantik penyelar keselamatan kesihatan bagi syarikat yang mempunyai lima pekerja dan ke atas.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata budaya kerja selamat dan sihat akan mendokong usaha yang dilaksanakan kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara, seterusnya membantu mengurangkan kadar kecederaan pekerjaan serta meningkatkan kesedaran kepentingan kawalan terhadap penyakit pekerjaan.

"Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti seiring dengan perkembangan ekonomi negara memerlukan pengurangan risiko yang berkesan dan dalam hal ini, pindaan ke atas akta berkenaan sudah memasukkan peruntukan khusus berkaitan pengurangan risiko di tempat kerja," katanya.

